



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 19 FEBRUARI 2024 (ISNIN)

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	UTUSAN MALAYSIA	• KOMITMEN SIME DARBY PROPERTY TERHADAP BIODIVERSITI BANDAR

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	MBDK DBKL	• KARNIVAL BANDARAYA DIRAJA KLANG GAMIT 5,000 TETAMU • DBKL SITA SKUTER ELEKTRIK TAMAN TASIK TITIWANGSA
2.	KOSMO	MBSA DBKL	• KAMPUNG PATI DALAM LADANG SAWIT • 2,000 ANAK PAHANG SERTAI LARIAN TOK GAJAH KL 2024
3.	HARIAN METRO	DBKL	• DBKL BUAT RAMPASAN DI TASIK TITIWANGSA
4.	THE STAR	DBKL	• MOBILE BEATS TO DETER ILLEGAL TRADERS DBKL STEPS UP ENFORCEMENT AT TITIWANGSA LAKE • DENGUE CASES SOAR BY OVER 70% IN KL CITY HALL RECORDS TWO DEATHS AND 183 CASES IN A WEEK

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	UTUSAN MALAYSIA	• PERBANYAK FASILITI RAWATAN KANSER SELURUH NEGARA • PERKASA BUDAYA KERJA, HINDARI HASUTAN RASUAH • RINGGIT, BURSA MALAYSIA DIJANGKA NAIK MINGGU INI
2.	SINAR HARIAN	• GUNA KHIDMAT KONTRAKTOR BERDAFTAR ELAK DITIPU • PESAKIT KANSER DIRAMAL TIDAK BERKURANG DALAM TEMPOH 10 TAHUN • PERLU TAMBAH DOKTOR PAKAR KANSER
3.	HARIAN METRO	• KOLONI PATI DALAM KEBUN SAWIT • SUHU MEMBAHANG! 10 KAWASAN DI SELURUH NEGARA DALAM KATEGORI BERJAGA-JAGA
4.	BERITA HARIAN	• PERKETAT SISTEM JUALAN ROKOK ELEKTRONIK • RAMAI BANTAH SYOR WUJUD KAWASAN KHAS MEROKOK • SITUASI SEMASA BELUM MENDESAK OPR DITURUNKAN
5.	THE STAR	• GO FOR FREE HEALTH CHECKS, SELANGOR FOLK URGED • SELANGOR MULLS DENGUE VACCINE AS INFECTIONS RISE • 2024 ,AY BE WARMEST YEAR
6.	NEW STRAITS TIMES	• DESIGNATED SMOKING AREAS MULLED • HEALTH EXPERTS DECRY GOVT'S 'U-TURN', FOOD OUTLET OPERATORS HAVE MIXED REACTIONS
7.	THE SUN	• BILL FOR EMPLOYEES RIGHT TO DISCONNECT AFTER WORK • SMOKING AREAS MULLED FOR EATERIES WITH SPACE CONSTRAINTS • PRIORITIES SAFETY TO CURB FATAL ROAD CROSSINGS



MOHD Sohimin Mohd. Alayedin (empat dari kiri) pada majlis pelancaran Taman Komuniti Putra Heights baru-baru ini.

UM 19/2 (MB&J)



PROJEK di Putra Heights merupakan TOD pertama syarikat dan merangkumi Serasi Residences.

SIME Darby Property Berhad (Sime Darby Property) menekankan komitmennya terhadap biodiversiti bandar dengan Taman Komuniti Putra Heights di Putra Heights.

Taman Komuniti Putra Heights berkeluasan 3.07 hektar, telah disiapkan pada Januari 2024 dan menandakan kejayaan syarikat dalam usaha penjagaan alam sekitar melalui pemeliharaan ekosistem.

Taman serba baharu ini menempatkan 442 pokok yang terdiri daripada 30 spesies yang pelbagai, separuh daripadanya merangkumi spesies tumbuhan terancam yang diiktiraf oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemeliharaan Alam Semula Jadi (International Union for Conservation of Nature (IUCN)).

Dibina dengan konsep inklusiviti, taman ini dilengkapi kemudahan yang sesuai dan selamat untuk kanak-kanak dan warga emas serta untuk orang-kurang upaya, termasuk laluan pejalan kaki yang mesra kerusi roda dengan panduan yang jelas.

"Taman ini juga dilengkapi dengan lampu LED solar yang memanfaatkan sumber semula jadi untuk menjana tenaga.

TAMAN Komuniti Putra Heights menempatkan 442 pokok yang terdiri daripada 30 spesies yang pelbagai, termasuk spesies tumbuhan terancam yang diiktiraf oleh IUCN.

KOMITMEN SIME DARBY PROPERTY TERHADAP BIODIVERSITI BANDAR

"KAMI KEKAL KOMITED DALAM MENJAGA DAN MEMULIHARA ALAM SEKITAR BERMULA DARI PEMBANGUNAN KAMI."

Selain menikmati persekitaran yang tenang, pengunjung juga boleh melakukan pelbagai aktiviti riadah bersama keluarga di taman ini," jelas syarikat itu dalam kenyataan.

Pada majlis pembukaan rasmi taman berkenaan, Ketua Pegawai Eksekutif Pembangu-

nan Hartanah, Datuk Ir. Mohd Sohimin Mohd. Alayedin menekankan komitmen syarikat terhadap pemuliharaan biodiversiti dan pembangunan komuniti mampan.

Katanya, sebagai 'Force for Good', Sime Darby Property mengutamakan kemampanan dalam semua yang dilakukan.

"Kami kekal komited dalam menjaga dan memulihara alam sekitar bermula dari pembangunan kami.

"Dalam menyokong ikatan komuniti dan placemaking, kami berusaha untuk memenuhi keperluan penduduk perbandaran kami dengan menyediakan pembangunan dan kemudahan awam yang berkualiti tinggi. Pembinaan Taman Komuniti

Putra Heights ini mengukuhkan matlamat syarikat sebagai 'Penganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet'," katanya.

Pembukaan rasmi Taman Komuniti Putra Heights disaksikan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim dan ADUN Kota Kemuning, Preakas Sampunathan.

Sejak penubuhannya pada 1999, Putra Heights berkeluasan 687.9 hektar, telah menarik penduduk yang menginginkan kawasan kediaman yang damai, mampan dan serba lengkap dengan terhubung ke pusat bandar.

Terletak di kaki bukit Bukit Cermin di selatan Subang Jaya, perbandaran bersepadu yang

tenang ini mempunyai populasi lebih 30,000 orang.

Projek terbaharu syarikat di Putra Heights juga merupakan pembangunan berorientasikan transit (TOD) yang pertama dan merangkumi Serasi Residences. Terletak secara strategik di Putra Heights Sentral, Serasi Residences memenuhi permintaan tinggi untuk hartanah berdekatan dengan pusat pengangkutan awam utama.

Pembeli rumah akan pasti menghargai laluan berbumbung sepanjang 400 meter ke stesen Aliran Transit Ringan (LRT) Putra Heights, yang bersambung kepada laluan Kelana Jaya dan Sri Petaling serta memberikan akses langsung kepada penggunaan kepada pelbagai destinasi.



Perbanyak fasiliti rawatan kanser seluruh negara

Oleh YASMIN NATASHA HAIRUL
yasmin.hairul@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) perlu memperbanyakkan fasiliti rawatan kanser di seluruh negara bagi memastikan pesakit mempunyai harapan lebih tinggi untuk sembuh.

Pengarah Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, Dr. Muralitharan Munisamy berkata, ini kerana peluang pesakit kanser untuk pulih adalah tinggi kerana kaedah dan kualiti rawatan kanser pada hari ini berbeza jika dibandingkan dengan 10 atau 15 tahun yang lalu.

Namun, kata beliau, fasiliti khusus penyakit itu seperti Institut Kanser Negara sangat terhad sekaligus mengakibatkan ramai pesakit tidak mendapat rawatan dengan segera.

"Fasiliti sekarang tidak mampu untuk menampung jumlah pesakit. Kekurangan fasiliti itu juga mengakibatkan ada pesakit menghadapi masalah pengangkutan berikutan jarak hospital



NEGARA perlu perbanyakkan fasiliti rawatan kanser negara bagi memastikan pesakit mempunyai harapan tinggi untuk sembuh.

yang jauh," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, akhbar ini melaporkan, tempoh menunggu rawatan kanser di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil masa sebulan bergantung kepada tahap kesihatan pesakit.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pakar perubatan akan terus membuat surat rujukan kepada hospital KKM sebaik sahaja pesakit yang hadir didiagnos me-

merlukan rawatan susulan.

Mengulas lanjut, Dr. Muralitharan berkata, tempoh menunggu rawatan kanser selama 30 hari di fasiliti KKM bergantung kepada tahap kesihatan pesakit.

"Tempoh satu bulan itu tempoh yang biasa untuk pesakit dan tidak terlalu lama yang mana pesakit perlu didiagnos dahulu sebelum ditentukan jenis rawatan.

"Ini kerana penyakit kanser akan merebak secara perlahan

dan doktor tahu rawatan apa yang terbaik bergantung kepada tahap pesakit," katanya.

Menurutnya, jika dahulu, pesakit yang lambat didiagnos kanser seumpama tidak ada harapan untuk hidup.

"Namun, pada masa kini, kebanyakan pesakit yang mendapat rawatan dan diagnosis awal mampu kembali hidup seperti sedia kala bergantung kepada ubat-ubatan dan rawatan berkalat," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1..9..FEB..2024.....



**IKRAM
ABDUL HALIM**

WABAK rasuah merupakan masalah utama dunia yang telah

sekitan lama membarah apabila kini ia bagaikan sudah menjadi sistemik sehingga menceroi ke setiap aspek aktiviti kehidupan manusia.

Setiap tahun, gejala rasuah telah merugikan ekonomi global sebanyak RM17.02 trilion (AS\$3.6 trilion dolar) seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Menurut Delia Matilde Ferreira Rubio, mantan Pengerusi Transparency International, pembudayaan nilai baik seperti integriti adalah antara penawar yang ampuh bagi wabak rasuah.

Dalam sektor awam di Malaysia, sebagai salah satu usaha membudayakan integriti dalam kalangan penjawat awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan pekeling mengenai penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam pada 24 Julai 2013 yang kini dipraktikkan di hampir setiap kementerian, jabatan dan agensi kerajaan di peringkat persekutuan atau negeri.

Sebaik mengambil alih tugas sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pertamanya telah menyeru seluruh jentera penjawat awam menjadikan islah sebagai asas pembangunan negara.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mendefinisikan islah sebagai usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan sedia ada kepada suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai. Islah menuntut kepada usaha pembaikan yang berterusan.

Dalam konteks perkhidmatan awam, definisi kalimat islah dapat dizahirkan melalui pemerkasaan budaya kerja perkhidmatan awam ke arah yang lebih baik secara berterusan.

Pembudayaan nilai-nilai baik dalam perkhidmatan awam merupakan aspek utama yang sentiasa dititikberatkan.

Usaha berterusan sehingga melahirkan budaya kerja cemerlang perlu sentiasa disemai dalam jati diri penjawat awam kerana kecekapan sistem perkhidmatan awam merupakan cerminan kepada



BUDAYA kerja cemerlang merupakan nadi dalam usaha ke arah memerangi rasuah. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

Perkasa budaya kerja, hindari hasutan rasuah

kekuatan dan keupayaan ekonomi sesebuah negara.

Budaya kerja cemerlang memperuntukkan tatacara dan etika kerja yang baik dari setiap peringkat sama ada pihak pengurusan atasan atau pekerja bawahan. Melalui pembudayaan ini, kegiatan tidak bermoral seperti rasuah pastinya dapat dihindari oleh pelbagai pihak.

Penglibatan orang awam sebagai penerima perkhidmatan juga menjadi pemangkin utama memperkasakan budaya kerja cemerlang perkhidmatan awam.

Pengaduan awam, inkuiri awam, maklum balas sama ada berbentuk pujian, semangut atau pandangan berterusan dari penerima perkhidmatan perlu sentiasa diberikan perhatian serta dihargai sebagai usaha ke arah memperbaiki budaya kerja sedia ada agar menjadi lebih baik.

Ini juga selaras dengan Perkara 13 PBB Menentang Rasuah (UNCAC) yang memperuntukkan agar sesebuah negara turut mempergiatkan usaha pembabitian kumpulan selain

sektor awam untuk bersama-sama memerangi rasuah.

Budaya kerja cemerlang merupakan nadi dalam usaha ke arah memerangi rasuah melalui ketelusan dalam perkhidmatan dan keberkesanan terhadap penyampaian.

Usaha murni pihak kerajaan yang telah melancarkan Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) bagi menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) serta Jawatankuasa Tatakelola di pelbagai peringkat Disember 2023 lalu harus dipuji.

Objektif utama JKKTN adalah sebagai wadah dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam melalui penekanan dalam prinsip tatakelola seperti kebertanggungjawaban, ketelusan dan keterangkuman.

Terkini, usaha ke arah memerangi rasuah di Malaysia dilihat mendatangkan hasil apabila menunjukkan peningkatan skor bagi Indeks

Persepsi Rasuah (CPI) yang diterbitkan Transparency International. Pada tahun 2023, Malaysia telah mencatat peningkatan sebanyak tiga mata iaitu 50 mata berbanding 47 mata pada 2022.

Ini telah melonjakkan Malaysia di kedudukan ke-57, berbanding 2022 di kedudukan ke-61 daripada 180 buah negara. Pencapaian ini pastinya menjadi motivasi kepada seluruh rakyat Malaysia dalam memberikan penghargaan yang tinggi dan kesediaan untuk turut melibatkan diri memerangi rasuah.

Matt Tenney dalam bukunya berkaitan kepimpinan bertajuk *Serve to Be Great* (2014) menyatakan bahawa antara faktor utama yang menentukan budaya kerja sesebuah organisasi dan penghasilan prestasi yang cemerlang adalah sejauh mana motivasi terhadap para pekerja diberikan perhatian oleh pihak pengurusan.

Ini berkait dengan sejauh mana seseorang itu merasa perlu untuk melakukan sesuatu tugasan dengan cemerlang dan berpuas hati dengan setiap tindakan

yang telah diambil selain persekitaran yang wujud dalam pekerjaannya.

Dalam perkara ini, pihak kerajaan melalui JPA pada tahun lalu telah memulakan salah satu perancangan yang penting untuk memastikan kebajikan penjawat awam sentiasa terjaga iaitu dengan menyegerakan usaha bagi mewujudkan sistem saaraan baharu.

Harapan seluruh penjawat awam pastinya agar keputusan yang bakal diumumkan kelak dapat memberikan kelegaan dari sudut pendapatan seterusnya dapat meningkatkan motivasi penjawat awam untuk lebih cemerlang.

Budaya kerja cemerlang melalui penyuburan nilai-nilai yang baik harus menjadi keazaman setiap individu. Pemerkasaan budaya yang baik secara berterusan dalam perkhidmatan awam pastinya akan melahirkan iltizam yang tinggi untuk menjauhi rasuah.

Penjawat awam sebagai tonggak utama perkhidmatan awam perlulah sentiasa melaksanakan tugas dan amanah dengan penuh efektif dan bersemangat kerana rakyat sentiasa menaruhkan harapan yang tinggi kepada perkhidmatan awam.

Usah terdoga bisikan rasuah, sentiasa berpada jangan bermewah agar kehidupan kekal bermaruah.

MUHAMMAD Ikram Abdul Halim iale Perunding Latihan Pusat Penyelidikan dan Konsultasi INTAN Bukit Kiara.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1..9..FEB..2024..

RINGGIT, BURSA MALAYSIA DIJANGKA NAIK MINGGU INI

UM
19/2

Oleh HENDRA WINARNO
hendrawinarno@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Penganalisis ekonomi tidak menolak kemungkinan Bursa Malaysia dan ringgit akan meningkat minggu ini berdasarkan prestasi lebih baik Jumaat lalu walaupun pengumuman Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2023 lebih rendah.

Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, tidak mustahil Bursa Malaysia meningkat selepas menyaksikan penutupan pada Jumaat lalu pada 1,533.55.

"Bursa Malaysia pernah mencapai purata 1,600 selepas pandemik Covid-19 pada 2022, jika waktu itu ekonomi tak menentu boleh mencapai purata sebegini, saya rasa kita juga boleh capai lebih selepas melihat prestasi pada Jumaat lepas," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, pembelian ekuiti oleh pelabur asing turut menyumbang kepada jangkaan peningkatan Bursa Malaysia itu.

"Pada kebiasaannya jika banyak pelabur asing masuk ke pasaran Malaysia, peruncit tempatan juga akan turut serta.

"Kemasukan pelabur asing itu berikutan nilai ringgit yang rendah mendorong kepada minat mereka untuk melabur di negara ini," ujarnya.

Minggu lalu, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan KDNK bagi suku keempat dan 2023 masing-masing pada 3.0 peratus dan 3.7 peratus.

Dalam reaksi kepada laporan itu, ringgit meningkat ke paras 4.7765/7820 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) ketika ditutup pada Jumaat daripada 4.7800/7850 yang dicatatkan pada hari sebelumnya.

Bursa Malaysia pula ditutup



"Bursa Malaysia pernah mencapai purata 1,600 selepas pandemik Covid-19 pada 2022"



tinggi sedikit pada 1,533.55 naik 5.17 atau 0.34 peratus daripada 1,528.38 kelmarin.

Kaunter untung mengatasi rugi sebanyak 553 kaunter berbanding 450, manakala 500 kaunter tidak berubah dan 797 lagi tidak diniagakan.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid pula menjangkakan nilai ringgit berbanding dolar AS terus lemah dalam julat RM4.70 dan mungkin akan sampai pada paras RM4.80.

Jelasnya, petunjuk aras iaitu indeks DXY yang mengukur kekuatan nilai mata wang dolar

AS terus mengukuh pada 104 mata dan menuju ke arah yang lebih tinggi berikutan pengumuman Rizab Persekutuan (Fed) AS.

"Fed AS akan mengekalkan kadar faedahnya antara 5.25 peratus ke 5.5 peratus lebih lama dari jangkaan dan tidak akan mengurangkannya seperti jangkaan awal iaitu pada bulan Mac 2024," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas pengumuman BNM minggu lalu, beliau berkata, KDNK negara masih jauh dibawah sasaran awal kerajaan pada 4.0 hingga 4.5 peratus menunjukkan ekonomi negara begitu terkesan dengan sektor

eksport.

"Sektor eksport negara menurun walaupun ekonomi domestik negara berkembang baik kerana ia tidak cukup untuk menyokong keseluruhan ekonomi," ujarnya.

Beliau berkata, prestasi Bursa Malaysia setelah meningkat dengan baik minggu lepas pula bakal dipengaruhi oleh prestasi pasaran saham dunia yang lain yang menurun seperti di New York, United Kingdom dan negara-negara lain.

Bagi Aimi, faktor global banyak mempengaruhi prestasi Bursa Malaysia dan nilai ringgit semasa dan tidak dapat lari daripadanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 19 FEB 2024

Bandar raya Klang
alami proses
perbandaran dan
pembangunan
pesat sejak 1875

84
11/2
(m00k)

Karnival Bandaraya Diraja Klang gamit 5,000 tetamu

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KLANG

Lebih 5,000 pengunjung hadir memeriahkan perasmian Karnival Bandaraya Diraja Klang sempena pengisytiharan sebagai Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), baru-baru ini. Datuk Bandar Klang, Datin Noraini Roslan berkata, pengumuman karnival itu bertujuan berkongsi perkhabaran dan bersama-sama merayakan komuniti penduduk sekitar daerah berkenaan.

"Karnival berlangsung selama tiga hari sehingga Ahad menjadi wadah jalinan kerja-

sama antara semua peringkat, sekali gus merealisasikan moto MBDK iaitu Perpaduan Asas Kemakmuran.

"Diharap karnival ini dapat mengekalkan nilai perpaduan dan kesejahteraan dalam komuniti di Klang selain bersama-sama berkongsi kenangan indah ini," katanya ketika majlis perasmian di Kompleks Sukan Pandamaran, di sini, pada Sabtu.

Terdahulu, majlis berkenaan disempurnakan Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan negeri, Ng Suee Lim.

Turut hadir Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Pandamaran, Leong Tuck Chee dan ADUN Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri.

Pelbagai pengisian dan aktiviti menarik diadakan antaranya #KlangBerselawat, diikuti pelbagai pertandingan termasuk persembahan artis seperti Black, Hazama, Nabil Ahmad, Shiha Zikir, Kaka Azraff dan Ella selain pertunjukan bunga api.

Noraini berkata, selaras Klang berstatus bandar raya, MBDK dalam perancangan menyusun pembangunan semula bandar di kawasan pentadbirannya.

"Rejuvenasi bandar ini memabitkan Pelabuhan Klang dan pusat pertumbuhan di Meru serta Kapar dengan pembangunan baharu yang terancang.

"Dengan pelan dan perancangan selain kerjasama erat semua pihak, kita mampu merealisasikan Klang sebagai Bandar Raya Sejahtera, Berdaya Huni, Mampan, Berdaya Saing dan Lestari," katanya.

Sementara itu, Suee Lim berkata, Klang pernah menjadi pusat pentadbiran Selangor pada 1875 hingga 1903.

"Klang mengalami proses perbandaran dan pembangunan



Hazama (kiri) dan Nabil (kanan) beramah mesra bersama pengunjung kanak-kanak ketika Karnival Bandaraya Diraja Klang.

sangat pesat.

"Kita boleh lihat perubahan dari segi landskap pembangunan melalui beberapa era pembangunan bermula era tradisional, moden, globalisasi dan digitalisasi," katanya.

Justeru katanya, sering dengan pembangunan terkini, kerajaan negeri mewujudkan koridor Lembah Klang Raya meliputi Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang.

"Ia bertujuan memberi lonjakan ekonomi dengan pentadbiran lebih lancar dan responsif.

"Selain itu, ia dapat menyediakan simulasi digital seperti pengurusan trafik, bencana, proses pembangunan dan reka bentuk pembangunan lokasi berteraskan pengurusan mampan," katanya.

Ujarnya, kerajaan negeri berharap pembentukan Lembah Klang Raya menjadi lokaliti pentadbiran pertama mesra warga emas, orang kurang upaya (OKU), mesra kanak-kanak seterusnya merealisasikan hasrat bandar neutral karbon pertama di negara ini.



Pengunjung tidak melepaskan peluang menyaksikan persembahan artis sempena perasmian Karnival Bandaraya Diraja Klang.

SINAR HARIAN
Tarikh: 19 FEB. 2024



Skuter elektrik disita kerana melanggar syarat lesen dan menghalang laluan di Taman Tasik Titiwangsa.

DBKL sita skuter elektrik Taman Tasik Titiwangsa

Tindakan tegas
terhadap peniaga
didapati melanggar
syarat sah lesen

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak tegas menyita barangan perniagaan yang menghalang laluan di kawasan awam di Taman Tasik Titiwangsa, di sini, pada Sabtu.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan, operasi dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan serta Pembangunan Perniagaan menerusi Tindakan Khas Penjaja Siri 3/2024.

"Melalui tindakan dijalankan kali ini, DBKL merekodkan sembilan kes tindakan sita, pindah halangan dan barangan perniagaan menerusi kesalahan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016



Kenderaan dirampas dibawa ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk proses dokumentasi.

kerana melanggar syarat lesen.

"Selain itu, tindakan dilakukan mengikut Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kerana meletakkan atau meninggalkan barangan di tempat awam," katanya pada Ahad.

Terdahulu, operasi berkenaan turut disertai Pejabat Cawangan Setiawangsa, Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal.

Dalam pada itu, DBKL turut me-

maklumkan sebanyak 111 peralatan sewaan perniagaan juga dipindahkan terdiri daripada basikal, skuter elektrik dan sebagainya.

"Barangan disita akan dihantar ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja di Cheras untuk dokumentasi dan tindakan selanjutnya.

"Tindakan dan pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri tindakan khas di 11 Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari semasa ke semasa," katanya.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga
8 malam setiap hari

SINAR HARIAN
Tarikh:1.9.FEB.2024.....

Guna khidmat kontraktor berdaftar elak ditipu

CIDB boleh ambil tindakan tegas jika kontraktor gagal siapkan projek

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
SINTOK

Syarikat kontraktor perumahan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) boleh digantung atau lesen ditarik jika menghilangkan diri selepas gagal menyiapkan projek perumahan.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, mangsa penipuan syarikat tersebut juga boleh membawa perkara tersebut ke mahkamah jika mempunyai maklumat yang lengkap.

Menurutnya, orang ramai dinasihatkan supaya mencari kontraktor yang berlesen kerana semua maklumat berkaitan didaftarkan di bawah CIDB dan tindakan boleh diambil sekiranya syarikat tersebut



Ahmad (depan, lima dari kanan) bersama warga ABM dan CIDB Tech Wilayah Utara pada Ahad.

menghilangkan diri.

"Kalau kita mahu membaiki atau membina rumah, hendaklah gunakan kontraktor berlesen dengan CIDB.

"Mereka ada nama dan alamat, kalau mereka lari, buat hal boleh ambil tindakan. Kalau tidak siapkan projek misalnya, kita boleh ambil tindakan sama ada lesen digantung atau ditarik balik.

"Tetapi kalau kita menggunakan kontraktor tidak berlesen, mereka hilang bawa duit deposit dan sebagainya, itu diri kita sendiri dipersalahkan

kerana kami pun sukar untuk mengambil tindakan, itu sudah menjadi kes polis," katanya kepada pemberita di sini pada Ahad.

Beliau mengulas laporan khas *Sinar Harian* pada Rabu berhubung kes penipuan bina rumah yang semakin berleluasa sehingga sekumpulan mangsa mengalami kerugian mencecah jutaan ringgit.

Terdahulu, Ahmad menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama pelatih ABM dan CIDB Tech Wilayah Utara, selain melihat fasiliti dan ke-

mudahan pengajaran di pusat tersebut di sini.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, kerajaan melalui CIDB hanya boleh mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang berdaftar sahaja dengan agensi tersebut.

"Tetapi jika (orang awam melantik) kontraktor itu orang luar, atau diberikan kepada warga asing untuk menjimatkan kos, kita tidak dapat bertanggungjawab dan rakyat tidak boleh memberikan tanggungjawab tersebut kepada kerajaan," ujar beliau.

SINAR HARIAN

Tarikh:1...9...FEB...2024.....

84
19/2

Pesakit kanser diramal tidak berkurang dalam tempoh 10 tahun

SHAH ALAM -

Situasi penyakit kanser di negara ini diramal tidak berkurang, sebaliknya akan bertambah buruk dalam tempoh 10 tahun.

Pakar Perunding Kanan Onkologi dan Radioterapi, Pusat Kanser dan Radiosurgeri, Hospital Pakar KPJ

Damansara, Dr Aminudin Rahman Mohd Mydin berkata, ia susulan tahap kesedaran rakyat Malaysia mengenai penyakit kanser masih rendah.

Menurutnya, pesakit lebih gemar mendapatkan rawatan alternatif terlebih dahulu sebelum dirujuk kepada pakar di hospital.

"Secara jujurnya situasi



DR AMINUDIN

kanser di Malaysia kini semakin parah, kita ke belakang. Pada saya kes kanser dijangka akan semakin meningkat saban tahun," katanya pada Ahad.

Dr Aminudin Rahman berkata, banyak rawatan kanser moden dan terkini yang mampu

menyembuhkan pesakit kanser.

"Peringkat awal boleh disembuhkan dengan mendapatkan rawatan di hospital. Jadi cadangan saya, buat ujian saringan awal dan mendapatkan rawatan perubatan moden di hospital supaya kanser dapat dikekang serta cepat sembuh," ujarnya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 19 FEB 2024

84
19/2

Perlu tambah doktor pakar kanser

SHAH ALAM - Tempoh menunggu untuk pesakit kanser mendapatkan rawatan di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) dapat dikurangkan dengan meningkatkan tenaga kerja profesional.

Ketua Divisyen Perkhidmatan Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Nisha Sanita Mohd Norha berkata, walaupun KKM mempunyai sembilan hospital berkaitan kanser, namun pakar onkologi adalah terhad untuk menampung pesakit yang ramai.

Menurutnya, kebanyakan rawatan oleh pakar itu berada di pusat bandar utama yang mempunyai fasiliti lebih lengkap dan tenaga kerja mahir dalam mengendalikan pesakit tersebut.

"Kebanyakan situasi kes-kes kanser yang dirujuk (*case to case basis*) adalah dari luar bandar yang akan ambil masa untuk mendapatkan tarikh temu janji atau menunggu pakar melakukan

lawatan mengikut hari ditetapkan.

"Kekurangan tenaga kerja mahir ini menyebabkan tempoh menunggu menjadi lama tetapi masa 30 hari merupakan satu perkembangan yang positif jika dibandingkan dengan sebelum ini.

"Ini kerana, sebelum ini tempoh tersebut mengambil masa antara dua hingga tiga bulan disebabkan sistem masih separa manual," katanya pada Ahad.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pesakit perlu menunggu sekurang-kurangnya paling lewat sebulan untuk mendapatkan rawatan, namun ia bergantung kepada tahap kesihatan dan keseriusan kes.



NISHA SANITA

Mengulas lanjut Nisha Sanita berkata, langkah lain yang boleh dilaksanakan ialah menaik taraf sistem temu janji melalui pendigitalan yang dilengkapi panggilan peringatan automatik.

"Ini dapat membantu melancarkan proses temu janji tanpa perlu menggunakan tenaga kerja yang ramai tetapi dalam masa sama memastikan tiada pesakit tercicir atau gagal mendapatkan temu janji.

"Teknologi rawatan kanser di Malaysia sememangnya setanding dengan negara-negara maju dan kami yakin pihak KKM sentiasa cakna serta melakukan usaha terbaik demi meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan negara," ujarnya.

SINAR HARIAN

19 FEB 2024

Tarikh:

Kampung PATI dalam ladang sawit

DARI MUKA 1

KOSMO 19/2 (MBSA)
Serbuan pada pukul 2.38 pagi itu turut mendapati perkampungan itu dilengkapi dengan kemudahan elektrik, surau, warung makanan serta kedai runcit, manakala bekalan air diperolehi dari bukit dan perigi yang digali.

Terdapat tiga subperkampungan di situ dengan setiap perkampungan dikehendaki membayar sewa RM2,000 sebulan kepada ketua untuk diserahkan kepada tuan tanah.

Rata-rata penduduk yang mendiami kampung itu merupakan bangsa Flores dan Madura dari Indonesia.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Imigresen, Jafri Embok Taha berkata, serbuan dilakukan selepas pihaknya melakukan risikan dan pemantauan sebaik menerima aduan awam mengenai kehadiran warga asing di situ.

Katanya, hasil serbuan dapat memeriksa 156 individu dan daripada jumlah itu, 132 ditahan kerana melakukan pelbagai kesalahan termasuk tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

"130 merupakan warga Indonesia, manakala bakinya melibatkan warga Bangladesh. Mereka terdiri daripada 78 lelaki, 41 wanita dan selebihnya ialah kanak-kanak termasuk bayi berusia antara sembilan bulan hingga 60 tahun.

"Rata-rata PATI bekerja sebagai tukang cuci, buruh binaan,



SEBAHAGIAN warga asing yang diperiksa dalam serbuan bersepadu imigresen bersama PGA, JPN dan MBSA di bekas ladang kelapa sawit di Setia Alam semalam.

pekerja kantin dan restoran di kawasan berhampiran perkampungan haram itu," katanya pada sidang akhbar di lokasi serbuan.

Operasi itu turut disertai oleh Pasukan Gerakan Am (PGA), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Menurut Jafri Embok, serbuan mendapati kawasan itu mempunyai ketua kampung yang bertugas menjaga hal ehwal lokasi dan penduduknya termasuk mengutip bayaran bulanan sebanyak RM6,000 yang dikenakan oleh tuan tanah.

Tambahnya, perkampungan

PATI itu dibahagikan kepada tiga bahagian dengan setiap bahagian dikenakan bayaran sehingga RM2,000.

"Ketua kampung dipilih dalam kalangan mereka yang dianggap senior atau paling lama berada di penempatan haram tersebut," katanya.

Ujar Jafri Embok, serbuan akan dilakukan dengan Pejabat Tanah dan Daerah bagi mengenal pasti siapa pemilik tanah yang melindungi PATI berkenaan bagi dikenakan tindakan mengikut Seksyen 55 (B) Akta Imigresen 1959/63. Sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 12 tahun atau denda sehingga RM30,000 atau keduanya sekali.

"Sehubungan itu, kita mengingatkan orang ramai termasuk majikan agar tidak mengaji atau membenarkan PATI berada dalam premis mereka," katanya.

Beliau menjelaskan kesemua PATI akan dibawa ke Jabatan Imigresen Selangor untuk direman selama 14 hari mengikut Seksyen 51 (5) (b) Akta Imigresen 1959/63.

"Seramai 11,731 PATI telah ditangkap di seluruh negara sepanjang tempoh 1 Januari hingga 15 Februari lalu.

"Daripada jumlah tersebut, 6,036 PATI ditangkap menerusi operasi kerana tidak mempunyai dokumen, tinggal lebih masa, langgar syarat sah pas atau pas palsu. Selebihnya ditangkap di pintu masuk atau serahan," katanya.

Menurut Jafri Embok, imigresen juga menahan 111 majikan dengan 58 daripadanya bertindak melindungi PATI.

Seramai 5,131 PATI pelbagai negara telah dihantar pulang, manakala 12,222 masih berada di depot Imigresen dan 752 PATI di depot sementara.

KOSMO

tarikh: 19 FEB 2024

KOSMO 19/2 (DBKL)

2,000 anak Pahang sertai Larian Tok Gajah KL 2024

KUALA LUMPUR – Kira-kira 2,000 anak perantauan Pahang menyertai Larian Tok Gajah Kuala Lumpur 2024 di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini semalam.

Acara larian yang mendapat kerjasama daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Kuala Lumpur Car Free Morning (KLCFM) itu bermula kira-kira pukul 7 pagi melibatkan jarak antara lima dan tujuh kilometer mengelilingi di ibu kota.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, acara larian tersebut adalah pertama kali diadakan di luar negeri Pahang dan ia telah mendapat sambutan baik daripada anak perantau Pahang.

"Hampir 2,000 anak-anak perantau Pahang menyertai larian pada pagi ini (semalam). Dengan adanya Larian Tok Gajah seperti ini ia dapat mengeratkan hubungan silaturahim anak-anak Pahang yang berada di luar Pahang.



ORANG ramai termasuk anak perantauan Pahang hadir memeriahkan Larian Tok Gajah Kuala Lumpur di Dataran DBKL, Kuala Lumpur semalam.

"Saya percaya ini bukan yang pertama dan juga bukan yang terakhir. Kita akan buat dari semasa ke semasa," katanya ketika ditemui selepas pada sidang akh-

bar selepas merasmikan Larian Tok Gajah Kuala Lumpur di sini semalam.

Wan Rosdy berkata, pemilihan Kuala Lumpur sebagai venue aca-

ra larian itu adalah kerana ramai anak perantau Pahang berada di ibu kota.

Katanya, lebih 92,000 anak-anak Pahang berada di sekitar

Lembah Klang ketika ini.

"Program ini juga adalah sebahagian daripada aktiviti yang telah dirancang oleh Sekretariat Perantau Anak Pahang yang telah ditubuhkan pada 5 Januari lalu," ujarnya.

Sementara itu, mengulas mengenai sekretariat berkenaan, Wan Rosdy berkata, ia ditubuhkan sebagai satu platform kepada kerajaan Pahang untuk menyalurkan maklumat yang tepat dan sah kepada anak Pahang di perantauan.

"Sekretariat ini ada pejabat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di tingkat 6. Anak-anak Pahang sekiranya ada apa-apa urusan dan pertanyaan bolehlah terus pergi ke pejabat ini.

"Dengan adanya sekretariat ini juga anak-anak Pahang akan mendapat maklumat tepat supaya dapat menangkis maklumat palsu dan sentimen negatif yang cuba disebar oleh pihak tertentu," katanya.

KOSMO

19 FEB 2024

tarikh:

Koloni **Pati** dalam kebun sawit

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

HM 19/2
Shah Alam MBSA

Pihak berkuasa membongkar perbuatan seorang lelaki tempatan yang menyewa tanah berkeluasan 0.6 hektar di kebun sawit miliknya di Setia Alam di sini, kepada ratusan pendatang asing tanpa izin (Pati) untuk membina penempatan haram.

Dalam serbuan dilakukan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bersama Pasukan Gerakan Am (PGA), Jabatan Pendaftaran Nega-

Lelaki tempatan sewakan tanah kutip sewa RM6,000 sebulan

ra (JPN), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Majlis Bandaraya Shah Alam bermula 2.30 pagi dan berakhir 5 pagi semalam itu, seramai 132 warga asing dari Indonesia dan Bangladesh berusia antara sembilan bulan sehingga 60 tahun ditahan.

Menerusi Op Bersepadu itu, pihak berkuasa mendapati penempatan haram itu lengkap dengan kemudahan surau, tandas, kedai runcit, warung makan, bekalan air dan elektrik.

Selain itu, kumpulan Pati yang menghuni penem-

patan itu didapati membayar sewa kira-kira RM6,000 sebulan kepada tuan tanah sejak empat tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Imigresen, Jafri Embok Taha berkata, operasi membabitkan seramai 220 pegawai dan anggota itu mengepung kawasan yang dipagar menggunakan zink.

"Pemeriksaan memba-

bitkan 156 warga asing dan hasilnya seramai 132 individu ditahan terdiri daripada 78 lelaki, 41 wanita dan 13 kanak-kanak lelaki dan perempuan.

"Mereka bekerja di kawasan sekitar sebagai tukang cuci, buruh binaan dan pekerja restoran serta mendiami penempatan ini sejak empat tahun lalu," katanya pada sidang media

selepas tamat operasi.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati pemilik tanah membekalkan bekalan elektrik kepada penghuni di penempatan tersebut.

"Bagi bekalan air pula, mereka ini mengambil dari bukit serta menggali perigi. Bagi keperluan harian, penempatan ini mempunyai kedai runcit yang menjual pelbagai barangan.

"Pemeriksaan lanjut dilakukan bagi mengesan pemilik tanah bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 55E Akta Imigresen 1959/63," katanya.


Katanya, semua warga asing yang ditahan dibawa ke Bahagian Penguat Kuasa JIM Selangor untuk saringan sistem semakan dokumen dan pas sebelum dimuktamadkan proses tangkapan.

"JIM mengingatkan orang ramai dan majikan supaya tidak melindungi Pati atau berdepan tindakan undang-undang. Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menyalurkan kepada JIM untuk tindakan lanjut.

"Operasi ini adalah siri operasi yang dilaksanakan JIM dan akan dilakukan secara berterusan berdasarkan aduan yang diterima," katanya.



JAFRI



PERKAMPUNGAN Pati yang diserbu di kawasan kebun sawit.



ANGGOTA JIM memotong rantai besi sebuah rumah.



ANGGOTA JIM memeriksa Pati yang ditahan.

HARIAN METRO
Tarikh: 19 FEB 2024

DBKL buat rampasan di Tasik Titiwangsa

Kuala Lumpur: Sebanyak 111 peralatan sewaan perniagaan dipindahkan dalam operasi Tindakan Khas Penjaja di Taman Tasik Titiwangsa di sini, kelmarin.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu hantaran di Facebook memaklumkan barangan itu terdiri daripada pelbagai jenis basikal, skuter elektrik (tut-tut) dan lain-lain.

Katanya, operasi itu dijalankan Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Pejabat Cawangan Setia-wangsa, Pejabat Cawangan Titiwangsa, Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal.

"Melalui tindakan khas ini, sebanyak sembilan kes sitaan, pindah halangan dan barangan perniagaan dilakukan kerana meletakkan atau meninggalkan barang di tempat awam serta melanggar syarat lesen.

"Tindakan itu dilaku-

H/M 19/2
COBKLJ

Barangan yang disita dihantar ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miha-rja Cheras, di sini, untuk proses dokumentasi"

Kenyataan DBKL

kan mengikut Undang-Undang Kecil (UKK) 24, Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 dan Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 bagi dua kesalahan terbabit," katanya.

Menurutnya, barangan yang disita dihantar ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miha-rja Cheras di sini untuk proses dokumentasi dan tindakan lanjut.

"Tindakan dan paman-tauan berterusan akan dijalankan menerusi siri-siri tindakan khas di 11 parlimen di seluruh Kuala Lumpur," katanya.



OPERASI Khas DBKL melibatkan rampasan kenderaan bermotor di Taman Tasik Titiwangsa.

HARIAN METRO

Tari: 19 FEB 2024...

Suhu ^{4m 19/2} membahang!

10 kawasan di seluruh negara dalam kategori berjaga-jaga

Kuala Lumpur

Sepuluh kawasan di seluruh negara merekodkan suhu panas tahap berjaga-jaga sehingga jam 6 petang kelmarin, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Menurut maklumat jabatan itu di Facebook kelmarin, sembilan kawasan direkodkan di Semenanjung membabitkan Pulau Langkawi, Kota Setar, Yan, Pendang, Pokok Sena, Sik, Baling di

Kedah; Seberang Perai Utara di Pulau Pinang dan Kuala Kangsar, Perak manakala Sabah di daerah Beaufort.

Suhu tahap berjaga-jaga merujuk kepada suhu maksimum harian 35 hingga 37 darjah Celsius sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

MetMalaysia sebelum ini memaklumkan negara kini berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berterusan sehingga penghujung Mac 2024. Dalam tempoh

itu, litupan awan dan taburan hujan kelazimannya kurang di kebanyakan tempat terutama di kawasan utara Semenanjung termasuk Perak, Pahang dan Kelantan.

Ketiadaan hujan dalam tempoh lama boleh menyebabkan cuaca lebih panas dan kering berbanding kebiasaan.

Cuaca panas yang dialami ketika ini adalah fenomena berulang yang berlaku saban tahun pada setiap Februari hingga Mei dan dalam tempoh ini, suhu maksimum harian boleh melebihi 35 darjah Celsius pada awal petang.

MUHAMMAD Fadli Syahmi Zauwari Azaha, 15, membasahkan muka serta menghilangkan dahaga dengan minum air akibat cuaca panas ketika membantu keluarganya berkebun di Pekan Darat. Pekan Darat yang terletak dalam daerah Seberang Perai Utara, antara daerah yang diklasifikasi mengalami cuaca panas tahap berjaga-jaga selepas mencatat suhu harian antara 35 hingga 37 darjah Celsius. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD



HARIAN METRO
Tarikh: ...1.9 FEB 2024...

Perketat sistem jualan rokok elektronik

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa memperketat pengawalseliaan sistem jualan rokok elektronik dan vape di negara ini, termasuk memantau kandungan dalam cecair vape, yang tidak terkandung dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

Pakar Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata melalui akta itu, rakyat diberi sedikit kelonggaran dalam amalan merokok dan penggunaan rokok elektronik serta vape, namun disalah guna sege-lintir pihak untuk keuntungan perniagaan.

Lebih membimbangkan, katanya, kemasukan produk itu secara haram dari negara luar meningkatkan risiko terhadap

kesihatan rakyat kerana kandungan partikel halus dan sebatian organik meruap (VOC) yang lebih tinggi daripada produk bercukai.

"Pihak yang mengambil kesempatan menjual rokok dan vape kepada individu di bawah 18 tahun, tidak melabel kandungan rokok elektronik dengan baik, tidak menyatakan kepekatan nikotin dalam cecair vape dan menggunakan pelbagai perisa serta warna.

"Di beberapa negara luar, kandungan cecair vape dipantau ketat oleh ejen pensijilan kualiti dilantik kerajaan, justeru produk yang dijual hanya mengandungi bahan diketahui dan dos serta perasa tertentu.

"Penjual juga mempunyai pengetahuan bagaimana menasihati pelanggan, terutama yang

bertukar daripada rokok tradisional kepada rokok elektronik bagi mengurangkan ketagihan.

"Sistem ini belum ada di banyak negara membangun, termasuk Malaysia," katanya kepada BH, semalam.

Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang diluluskan Parlimen pada Disember lalu, menetapkan kawal selia menyeluruh dilaksanakan bagi pengeluaran semua produk merokok termasuk rokok elektronik seperti vape.

Akta itu bertujuan mengatasi kelompongan undang-undang susulan pengecualian cecair vape bernikotin daripada senarai bahan terkawal Akta Racun 1952, selain selari usaha kerajaan melaksanakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik pada kadar

40 sen setiap mililiter (ml) mulai 1 April 2023.

Selasa lalu, Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan, turut mendesak kerajaan memperkenalkan peraturan bagi mengawal selia kandungan vape.

Katanya, ketika ini, tidak ada sebarang peraturan yang dikenakan bagi kawalan bahan yang terkandung dalam peranti elektronik terbahit.

Dr Sharifa Ezat turut meminta kerajaan memberi lebih tumpuan membanteras masalah rokok, rokok elektronik dan vape haram.

"Isu rokok haram ini masih wujud di negara seperti United Kingdom (UK), Eropah dan Jepun, namun isu ini besar di negara membangun, termasuk Malaysia," katanya.

Di beberapa negara luar, kandungan cecair vape dipantau ketat oleh ejen pensijilan kualiti dilantik kerajaan, justeru produk yang dijual hanya mengandungi bahan diketahui dan dos serta perasa tertentu.

Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, Pakar Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan UKM



BERITA HARIAN
Tarikh.....1.9.FEB.2024.....

Ramai bantah syor wujud kawasan khas merokok

Kedudukan berhampiran premis makanan beri risiko dedahan asap

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syor supaya di-pertimbang untuk menyediakan kawasan khas merokok, khususnya bagi premis makanan di kawasan sempit ditolak pakar perubatan dan kumpulan anti-merokok.

Ini kerana, rata-rata sepakat tidak bersetuju sekiranya kerajaan 'memberi muka' kepada golongan perokok untuk melampirkan 'hak' mereka, lagi-lagi di ruang awam.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Prof Dr Jamalludin Ab Rahman, berkata jika kerajaan mahu mewujudkan ruang khas kepada perokok, ia sepatutnya dibina berasingan dari kawasan premis dan terle-

tak jauh daripada orang ramai.

"Premis makanan yang jelas tidak mampu menyediakan ruang jarak tiga meter kerana sempit dan sesak dengan orang ramai tidak seharusnya membenarkan langsung sesiapa merokok. Peraturan tiga meter patut kekal.

"Pembinaan ruang merokok khas bukanlah langkah yang progresif, sekiranya perlu dibina ruang khas umum itu, ia harus tertutup dan terletak jauh daripada orang ramai serta tidak spesifik kepada kedai makan ter-babit.

"Keutamaan harus diberikan kepada risiko dedahan asap rokok kepada orang ramai, terutama wanita hamil dan kanak-kanak.

"Oleh yang demikian, aktiviti pencegahan yang harus diutamakan terutama dengan mempromosikan gaya hidup sihat. Bahkan, aktiviti penguatkuasaan harus dipertingkatkan antaranya menerusi kehadiran pegawai penguat kuasa yang harus dirasai oleh orang ramai," katanya kepada *BH* semalam.

Timbalan Koordinator Kumpulan Penyelidik Ketagihan Nikotin (NARCC) Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Nur Amani Ahmad Tajuddin, pula



Dr Dzulkefly meletakkan papan tanda 'Dilarang Merokok' pada premis makanan ketika Tinjauan Mesra Premis Bersih Bebas Asap (BeBas) di Jalan Alor, malam kelmarin.

(Foto BERNAMA)

berpandangan usaha terbaik yang boleh diambil Kementerian Kesihatan (KKM) adalah dengan tidak membenarkan langsung aktiviti merokok termasuk menghisap vape di semua ruang awam.

Perketat penguatkuasaan

Sehubungan itu, beliau mencadangkan aktiviti penguatkuasaan perlu diperketatkan dengan mengikut contoh negara luar seperti Hong Kong yang melantik dan melatih sukarelawan untuk bersama-sama menguatkuasakan peraturan terhadap perokok.

"Walaupun kita ada larangan merokok di premis makanan sama ada di luar atau dalam (premis), mereka masih terdedah secara pasif kepada asap rokok atau asap vape.

"(Walaupun ada ruang khas

merokok) ...mereka mesti mempunyai sifat tanggungjawab yang tinggi, iaitu tidak melakukan aktiviti selain di kawasan khas yang ditetapkan. Ini memerlukan peringatan kerap dan kempen besar-besaran.

